

Lembaran Pendedahan Produk Jaminan Perkapalan-i

LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK Sila baca Lembaran Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk memohon Jaminan Perkapalan-i. Jika permohonan anda telah diluluskan, pastikan anda membaca terma dalam surat tawaran sebelum menerima tawaran Bank untuk kemudahan tersebut. Sila rujuk pengurus perhubungan anda jika anda memerlukan penjelasan tentang terma tersebut.	Alliance Islamic Bank Berhad ("Bank") Nama produk: Jaminan Perkapalan-i																		
1. Apakah produk ini?																			
Jaminan Perkapalan-i (SG-i) adalah surat indemniti dikeluarkan oleh Bank yang dialamatkan kepada Syarikat Perkapalan atas arahan pengimport/pembeli (Pelanggan) untuk pelepasan barangan tanpa mengemukakan Bil Muatan (BL) asal. SG-i biasanya digunakan apabila barangan tiba lebih awal daripada Bil Muatan dan bila pengimport inginkan pelepasan untuk barangan dalam masa paling awal. SG-i dikeluarkan oleh Bank, dengan cara menandatangani balas indemniti, atas permintaan pengimport/pembeli, tertakluk kepada ketersediaan kemudahan pembiayaan perdagangan yang diberikan oleh Bank.																			
2. Apakah kontrak Syariah yang digunakan?																			
SG-i adalah berdasarkan kontrak Syariah Kafalah. Kafalah merujuk kepada kontrak di mana penjamin bergabung dengan pihak yang terjamin dalam menanggung liabiliti yang ditentukan oleh pihak yang terjamin.																			
3. Apa yang saya peroleh daripada produk ini?																			
- Memudahkan urusan pelepasan barangan di pelabuhan pemunggahan tanpa bil muatan asal. - Mengelakkan caj demuraj akibat kelewatan pelepasan barangan di pelabuhan.																			
4. Apakah tanggungjawab saya?																			
- Pelanggan perlu berjanji kepada Bank yang mengeluarkan SG-i bahawa dokumen tersebut akan dijelaskan atau diterima apabila ia tiba dengan atau tanpa sebarang percanggahan. - Ia adalah tanggungjawab pelanggan untuk menebus SG-i dan mengembalikannya kepada Bank untuk dibatalkan setelah penerimaan bil muatan asal.. - Pelanggan perlu menandatangani surat indemniti di mana pelanggan berjanji untuk melindungi Bank terhadap semua kerugian, ganti rugi dan perbelanjaan yang berkaitan dengan pengeluaran SG-i. Pada masa yang sama, pelanggan juga berjanji untuk menyerahkan bil muatan yang disahkan sewajarnya selepas menerima atau mendapat pelepasan liabiliti bank di bawah indemniti. - Untuk setiap pengeluaran kemudahan SG-i, anda perlu membayar komisen terlebih dahulu. Sila rujuk jadual di bawah: <table border="1" data-bbox="225 1229 1481 1413"> <thead> <tr> <th>Jenis komisen</th> <th colspan="2">Amaun</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td rowspan="3">Pengeluaran Jaminan Perkapalan-i (SG-i)</td> <td colspan="2">0.1% rata pada nilai invoice</td> </tr> <tr> <td>Minimum:</td> <td>RM100.00 (di bawah LC-i)</td> </tr> <tr> <td></td> <td>RM200.00 (di bawah IC-i)</td> </tr> <tr> <td rowspan="2">SG-i tidak dikembalikan selepas 3 bulan dari tarikh pengeluaran</td> <td colspan="2">0.05% sebulan pada nilai invoice</td> </tr> <tr> <td>Minimum:</td> <td>RM50.00 sebulan, sehingga SG-i dikembalikan untuk pembatalan</td> </tr> <tr> <td>Bayaran pos</td> <td colspan="2">RM5</td> </tr> </tbody> </table> - Pematuhan pada terma dan syarat dalam surat tawaran dan dokumen lain berkaitan kemudahan.		Jenis komisen	Amaun		Pengeluaran Jaminan Perkapalan-i (SG-i)	0.1% rata pada nilai invoice		Minimum:	RM100.00 (di bawah LC-i)		RM200.00 (di bawah IC-i)	SG-i tidak dikembalikan selepas 3 bulan dari tarikh pengeluaran	0.05% sebulan pada nilai invoice		Minimum:	RM50.00 sebulan, sehingga SG-i dikembalikan untuk pembatalan	Bayaran pos	RM5	
Jenis komisen	Amaun																		
Pengeluaran Jaminan Perkapalan-i (SG-i)	0.1% rata pada nilai invoice																		
	Minimum:	RM100.00 (di bawah LC-i)																	
		RM200.00 (di bawah IC-i)																	
SG-i tidak dikembalikan selepas 3 bulan dari tarikh pengeluaran	0.05% sebulan pada nilai invoice																		
	Minimum:	RM50.00 sebulan, sehingga SG-i dikembalikan untuk pembatalan																	
Bayaran pos	RM5																		
5. Apakah yuran dan caj yang saya perlu bayar?																			
<table border="1"> <thead> <tr> <th>Yuran dan Caj</th> <th>Butiran</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Duti Setem</td> <td>Duti setem untuk dokumen undang-undang perlu dibayar mengikut Akta Setem 1949 (disemak 1989).</td> </tr> <tr> <td>Yuran dan Caj</td> <td>Sila rujuk kepada Surat Tawaran kami dan laman web korporat Bank https://www.alliancebank.com.my/islamic/home.aspx untuk butiran. Sila ambil perhatian bahawa yuran dan caj di laman web Bank dikemas kini dari semasa ke semasa. Jika terdapat sebarang perubahan dalam yuran dan caj yang dikenakan ke atas kemudahan anda, Bank akan memaklumkan anda sekurang-kurangnya 21 hari kalendar sebelum tarikh kuat kuasa pelaksanaan.</td> </tr> </tbody> </table>	Yuran dan Caj	Butiran	Duti Setem	Duti setem untuk dokumen undang-undang perlu dibayar mengikut Akta Setem 1949 (disemak 1989).	Yuran dan Caj	Sila rujuk kepada Surat Tawaran kami dan laman web korporat Bank https://www.alliancebank.com.my/islamic/home.aspx untuk butiran. Sila ambil perhatian bahawa yuran dan caj di laman web Bank dikemas kini dari semasa ke semasa. Jika terdapat sebarang perubahan dalam yuran dan caj yang dikenakan ke atas kemudahan anda, Bank akan memaklumkan anda sekurang-kurangnya 21 hari kalendar sebelum tarikh kuat kuasa pelaksanaan.													
Yuran dan Caj	Butiran																		
Duti Setem	Duti setem untuk dokumen undang-undang perlu dibayar mengikut Akta Setem 1949 (disemak 1989).																		
Yuran dan Caj	Sila rujuk kepada Surat Tawaran kami dan laman web korporat Bank https://www.alliancebank.com.my/islamic/home.aspx untuk butiran. Sila ambil perhatian bahawa yuran dan caj di laman web Bank dikemas kini dari semasa ke semasa. Jika terdapat sebarang perubahan dalam yuran dan caj yang dikenakan ke atas kemudahan anda, Bank akan memaklumkan anda sekurang-kurangnya 21 hari kalendar sebelum tarikh kuat kuasa pelaksanaan.																		
Melainkan dinyatakan sebaliknya di sini, caj Bank tidak termasuk sebarang cukai semasa dan cukai masa hadapan (jika ada) yang mungkin dikenakan di bawah perundangan yang berkaitan. Sekiranya mana-mana cukai sedemikian dilaksanakan di masa hadapan dan pada bila-bila masa yang berkenaan, Bank berhak untuk mendapatkan semula cukai sedemikian daripada anda.																			
6. Bagaimana jika saya gagal menunaikan tanggungjawab saya?																			
- Jika SG-i tidak dikembalikan untuk pembatalan selepas 3 bulan dari tarikh pengeluaran, Bank akan terus mengenakan komisen pada kadar 0.05% sebulan (tertakluk kepada minimum RM50.00) ke atas amaun invoice sehingga tarikh pemulangan SG-i. - Bank berhak untuk tolak selesai sebarang baki kredit dalam akaun pelanggan bagi menetapkan sebarang amaun yang tertunggak dan belum dibayar berkaitan dengan kemudahan SG-i.																			

Bank berhak mengambil tindakan undang-undang terhadap pelanggan dan penjamin (jika ada) serta membubarkan / merampas cagaran yang diberikan (jika ada).														
7. Bagaimana jika SG-i dibatalkan?														
Komisen yang dibayar terlebih dahulu sebelum pengeluaran SG-i tidak akan dikembalikan kepada pelanggan.														
8. Adakah saya perlukan sebarang perlindungan insurans/takaful?														
Perlindungan takaful berikut dicadangkan/perlu diambil daripada panel Bank: - Takaful Bertempoh Gadai Janji Berkurang (MRTT) atau mana-mana polisi perlindungan takaful yang setara untuk melindungi syarikat sekiranya berlaku kematian atau hilang upaya kekal Pelanggan atau orang penting dalam syarikat (jika berkenaan) - Takaful kebakaran jika hartanah diberikan sebagai jaminan untuk pembiayaan (wajib)														
9. Apakah risiko utama?														
Pelanggan tidak menerima bil muatan asal, oleh itu, tidak dapat menebus SG-i daripada benefisiari untuk pembatalan..														
10. Adakah saya perlu cagaran atau penjamin?														
Keperluan untuk cagaran atau penjamin adalah tertakluk kepada penilaian kredit oleh Bank.														
11. Apa yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan pada butiran perhubungan saya?														
Adalah penting untuk anda memaklumkan kami mengenai apa-apa perubahan dalam butiran perhubungan anda bagi memastikan semua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya.														
12. Di mana saya boleh dapatkan bantuan dan penyelesaian?														
- Jika anda mempunyai masalah dalam membuat bayaran, anda perlu menghubungi pihak Bank seawal mungkin untuk membincangkan alternatif pembayaran. Anda boleh menghubungi kami melalui: Alliance Bank Malaysia Berhad, Consumer Collections, 2nd Floor, 3 Alliance, 3 Jalan SS15/2A, 47500 Subang Jaya, Selangor. Tel: 03-5516 9988 Faks: 03-5516 9399 E-mel: info@alliancefg.com - Sebagai alternatif, anda juga boleh mendapatkan perkhidmatan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), sebuah agensi yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk menawarkan perkhidmatan percuma untuk pengurusan wang, kaunseling kredit, pendidikan kewangan dan penstrukturan semula hutang untuk individu. Anda juga boleh menyertai "Program Pengurusan Wang Anda" (POWER) yang ditawarkan oleh AKPK bagi tujuan memberi kesedaran ke atas disiplin kewangan anda dan membantu pengurusan kewangan anda secara berhemat. Untuk maklumat lanjut atau mendaftar, sila hubungi AKPK di: Tingkat 8, Maju Junction Mall, 1001, Jalan Sultan Ismail, 50250 Kuala Lumpur. Tel: 03-26167766 E-mel: enquiry@akpk.org.my - Jika anda ingin mengadu tentang produk atau perkhidmatan yang disediakan oleh pihak Bank, anda boleh menghubungi pihak Bank di: Alliance Bank Malaysia Berhad, Group Complaints Unit, 4th Floor, Menara-Multi Purpose, Capital Square, 8 Jalan Munshi Abdullah, 50100 Kuala Lumpur. Tel: 03-2604 3300 Faks: 03-2691 8229 E-mel: info@alliancefg.com - Jika anda tidak berpuas hati dengan penyelesaian pihak Bank terhadap sebarang pertanyaan atau aduan anda, anda boleh menghubungi Bank Negara Malaysia LINK atau TELELINK di: Blok D, Bank Negara Malaysia, Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur. Tel: 1-300-88-5465 Faks: 03-2174 1515 E-mel: bnmteletelink@bnm.gov.my - Anda juga boleh menghubungi Financial Ombudsman for Financial Services di: Tingkat 14, Blok Utama, Menara Takaful Malaysia, No. 4, Jalan Sultan Sulaiman, 50000 Kuala Lumpur. Tel: 03-2272 2811 Faks: 03-2272 1577 E-mel: enquiry@ofs.org.my Website: www.fmos.org.my														
13. Di mana saya boleh dapatkan maklumat lanjut?														
Jika anda ingin mendapat maklumat lanjut tentang Jaminan Perkapalan-i dan/atau produk dan perkhidmatan kami yang lain, sila layari laman web Bank kami di https://www.alliancebank.com.my/islamic/home.aspx atau hubungi pengurus perhubungan perniagaan anda.														
14. Produk dan perkhidmatan perdagangan / pembiayaan perdagangan lain yang disediakan:														
<table border="1"> <thead> <tr> <th>Bil.</th> <th>Perkhidmatan</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1</td> <td>Pembiayaan Perdagangan dan Perkhidmatan Islam</td> </tr> <tr> <td>2</td> <td>Kemudahan Cashline-i</td> </tr> <tr> <td>3</td> <td>Pembiayaan Berjangka Komoditi Murabahah-i</td> </tr> <tr> <td>4</td> <td>Kredit Pusingan Komoditi Murabahah-i</td> </tr> <tr> <td>5</td> <td>Pembiayaan Berjangka Premis Perniagaan-i</td> </tr> <tr> <td>6</td> <td>Sewa Beli Industri-i</td> </tr> </tbody> </table>	Bil.	Perkhidmatan	1	Pembiayaan Perdagangan dan Perkhidmatan Islam	2	Kemudahan Cashline-i	3	Pembiayaan Berjangka Komoditi Murabahah-i	4	Kredit Pusingan Komoditi Murabahah-i	5	Pembiayaan Berjangka Premis Perniagaan-i	6	Sewa Beli Industri-i
Bil.	Perkhidmatan													
1	Pembiayaan Perdagangan dan Perkhidmatan Islam													
2	Kemudahan Cashline-i													
3	Pembiayaan Berjangka Komoditi Murabahah-i													
4	Kredit Pusingan Komoditi Murabahah-i													
5	Pembiayaan Berjangka Premis Perniagaan-i													
6	Sewa Beli Industri-i													
15. Penafian														
Lembaran Pendedahan Produk ini adalah untuk tujuan maklumat sahaja dan tidak boleh ditafsirkan sebagai kewajipan oleh Bank untuk memberikan kemudahan kepada anda. Terma di sini adalah tertakluk kepada penilaian kredit dan kelulusan Bank. Maklumat yang diberikan dalam lembaran pendedahan produk ini adalah sah pada [masukkan tarikh].														

NOTA PENTING: TINDAKAN UNDANG-UNDANG BOLEH DIAMBIL TERHADAP ANDA JIKA ANDA GAGAL MEMENUHI TANGGUNGJAWAB PEMBAYARAN ANDA UNTUK KEMUDAHAN.

PENGAKUAN OLEH PELANGGAN:

Saya/Kami mengakui bahawa saya/kami telah membaca dan memahami ciri-ciri produk, terma penting dan kewajipan yang berkaitan dengannya. Saya/kami memahami bahawa lembaran pendedahan produk ini adalah untuk tujuan maklumat sahaja dan tidak boleh ditafsirkan sebagai tawaran oleh Bank atau kewajipan Bank untuk memberikan sebarang kemudahan kepada kami.

Nama:

Tarikh: